



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	9/1/2020	MUKA SURAT	:	37
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Nyaris langgar tapir, kerbau di LPT2

KUALA TERENGGANU - Seorang pengguna Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) berkongsi detik cemas nyaris terlanggar tapir yang berkeliaran di selekoh selepas plaza tol Kerteh menghala ke Paka kelmarin.

Menurut Hanif Kamaluddin, dia biasanya akan menggunakan jalan singkat dengan melalui LPT2 untuk ke sekolah pada sebelah pagi.

Katanya, selama ini dia hanya membaca perkongsian individu lain mengenai haiwan yang berkeliaran di LPT2 dan tidak menyangka dia sendiri melalui pengalaman serupa.

"Hari ini (kelmarin) nasib baik saya sempat brek apabila seekor tapir melintas betul-betul di selekoh tajam lepas tol Kerteh," katanya.

Selain Hanif Kamaluddin, seorang lagi pengguna LPT2 berkongsi cerita terserempak



Kerbau dan tapir yang nyaris dilanggar berkeliaran di LPT2 kelmarin.

dengan seekor kerbau ketika melalui laluan Bukit Payong - Telumung.

Perkongsian menerusi akaun media sosial Facebook oleh Paxli Che Rani II itu memberitahu, dia terserempak dengan seekor kerbau di lebuhraya itu pagi semalam.

"Pagi-pagi jumpa 'dinosaur' doh (dah). Tuan ye (ia) marah (marah) dok (tak) kalu (kalau) ambe (saya) igak (tangkap)," katanya.

Kebanyakan netizen mempersoalkan tindakan empunya haiwan itu yang disifatkan sebagai tidak bertanggungjawab.